

# KENCENDERUNGAN MINAT PELAJAR TERHADAP KEUSAHAWANAN: SATU TINJAUAN PERSEPSI MENGIKUTI TAHUN PENGAJIAN

*(Tendency of Students' Interest in Entrepreneurship:  
A Perception According to Year of Study)*

Mohamad Pirdaus bin Yusoh  
Muhammad Afifuddin bin Pi Remli  
Nurhazliyana Hanafi

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan  
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)  
Terengganu

m.pirdaus@umt.edu.my

**Abstrak :** *Keusahawanan merupakan salah satu sektor yang dititikberatkan oleh kerajaan kini. Ini kerana keusahawanan adalah kunci utama dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dengan menyumbang kepada KDNK, merangsang pelaburan, serta menjana peluang pekerjaan. Salah satu daripada enam teras strategik Dasar Keusahawanan Negara 2030 yang baru dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini adalah membudayakan keusahawanan dalam segenap lapisan masyarakat. Kajian ini dijalankan sejajar dengan teras strategik tersebut bagi mengetahui kecenderungan minat pelajar-pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) terhadap keusahawanan. Kajian ini dijalankan pada semester kedua sidang 2018/2019 terhadap pelajar-pelajar yang mengikuti subjek asas keusahawanan di UMT. Objektif utama kajian ini untuk mengetahui minat pelajar terhadap keusahawanan sebelum dan selepas mengikuti subjek asas keusahawanan yang ditawarkan di UMT. Kajian ini melibatkan 275 orang pelajar yang terdiri daripada 58 orang pelajar tahun satu, 143 orang tahun kedua dan 74 orang tahun ketiga. Hasil kajian mendapati sebelum mengambil subjek ini sebanyak 3.3 peratus sangat tidak berminat terhadap keusahawanan, 13.5 peratus tidak berminat, 41.8 peratus sederhana, 30.9 peratus berminat dan 10.5 peratus yang sangat berminat. Selepas mengikuti subjek ini didapati terdapat perubahan terhadap minat pelajar kepada hanya 1.1 peratus sangat tidak berminat, 3.6 peratus tidak berminat, 20.4 peratus sederhana, 56.4 peratus berminat dan 18.5 peratus sangat berminat. Dapatan ini menunjukkan subjek ini dapat menarik minat pelajar untuk cenderung menceburi bidang keusahawanan.*

**Kata kunci:** *Keusahawanan, persepsi tahap kecenderungan, minat, subjek keusahawanan*

**Abstract:** *Entrepreneurship is one of the sectors that the government emphasizes today. This is because entrepreneurship is the key to boosting a country's economic growth by contributing to the GDP, stimulating investment, and creating jobs. One of the six strategic pillars of the National Entrepreneurship Policy 2030 recently launched by the Prime Minister of Malaysia is to cultivate entrepreneurship in all walks of life. This study was conducted in line with the strategic thrust to identify the interest of students from University Malaysia Terengganu (UMT) in entrepreneurship. This study was conducted in the second semester of the 2018/2019 session on students pursuing the entrepreneurship undergraduate subject at UMT. The main objective of this study was to identify students' interest in entrepreneurship before and after following the basic subject matter of entrepreneurship offered at UMT. The study involved 275 students comprising 58 first year students, 143 second year students and 74 third year students. The results showed that before taking this subject, 3.3 percent were extremely not interested in entrepreneurship, 13.5 percent were not interested, 41.8 percent were moderate, 30.9 percent were interested, and 10.5 percent were very interested. Following this subject, there was a change in student interest to only 1.1 percent were extremely not interested, 3.6 percent were not interested, 20.4 percent were moderate, 56.4 percent were interested, and 18.5 percent were very interested. This finding shows that this subject is likely to attract students to tend towards entrepreneurship.*

**Keywords:** *Entrepreneurship, perception of level of interest, interest, entrepreneurial subject*

2020 JGBSE

## PENGENALAN

Keusahawanan merupakan salah satu sektor yang dititikberatkan oleh kerajaan kini. Ini kerana keusahawanan adalah kunci utama dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dengan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), merangsang pelaburan, serta menjana peluang pekerjaan. Aktiviti keusahawanan ini memberikan impak yang sangat besar kepada pembangunan negara khususnya Malaysia. Menurut Kementerian Pembangunan Usahawanan (2019) impak utama adalah sumbangan kepada pemantapan ekonomi negara. Pada tahun 2017, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) telah mencatatkan pertumbuhan KDNK yang lebih tinggi iaitu sebanyak 7.2% berbanding dengan 5.2% pada tahun sebelumnya, mengatasi pertumbuhan KDNK keseluruhan sebanyak 5.9%. Ini telah meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK keseluruhan daripada 32.2% pada tahun 2010 kepada 37.1% pada tahun 2017. Selain daripada itu, perusahaan di Malaysia juga menyumbangkan nilai eksport sebanyak RM 167.4 bilion pada tahun 2017 (17.3% dari keseluruhan nilai eksport). Nilai eksport ini secara majoritinya disumbangkan oleh tiga (3) sektor utama iaitu pertanian (48.1%), pembuatan (7.8%), dan perkhidmatan (6.7%). Aktiviti keusahawanan di Malaysia juga dapat memperkasakan tahap sosioekonomi pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan wanita, belia dan yang kurang berkemampuan. Dari segi pemeraksanaan sosioekonomi wanita, 364,052 usahawan wanita telah mendapat manfaat daripada pelbagai inisiatif dan sokongan keusahawanan seperti sokongan kewangan, latihan dan infrastruktur perniagaan sepanjang tahun 2017. Inisiatif dan sokongan ini adalah penting bagi menyokong 186,930 perusahaan milik wanita yang merangkumi 20.7% daripada keseluruhan perusahaan di Malaysia. Perusahaan di Malaysia juga menjana lebih kurang 9.9 juta peluang pekerjaan yang merangkumi 66% daripada keseluruhan peluang pekerjaan di Malaysia. Namun demikian, kebanyakan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh aktiviti keusahawanan di Malaysia adalah pekerja tidak berkemahiran dan mempunyai kebergantungan yang tinggi kepada pekerja asing. Sebanyak 16%

daripada jumlah pekerja keseluruhan di Malaysia merupakan pekerja asing yang terlibat terutamanya di dalam sektor pertanian, perladangan, dan binaan (Survei Tenaga Buruh, 2016) dalam DKN 2030.

Salah satu daripada enam teras strategik Dasar Keusahawanan Negara 2030 yang baru dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini adalah membudayakan keusahawanan dalam segenap lapisan masyarakat. Menyedari kepentingan bidang keusahawanan ini, kerajaan Malaysia telah menerapkan bidang keusahawanan dalam sistem pendidikan negara. Penerapan bidang ini di dalam sistem pendidikan bertujuan membentuk masyarakat yang mencipta kerja dan bukan pencari kerja (Zaidatol et al., 2002) selain memberikan pendedahan awal pelajar terhadap keusahawanan serta menarik minat mereka untuk menceburi bidang ini. Hal ini sangat bertepatan dalam usaha untuk merencanakan pasaran kerja bagi mengurangkan masalah pengangguran khususnya dalam kalangan graduan (Muhammad Suwardi & Lingaswaran, 2017). Menurut Norita et al., (2010) pendidikan keusahawanan sejak peringkat awal dalam jangka masa panjang boleh menimbulkan minat individu terhadap keusahawanan secara semula jadi melalui satu proses dinamik yang berterusan. Penerapan pendidikan ini sangat penting kerana masih ramai masyarakat tidak melihat bidang keusahawanan ini sebagai satu peluang kerjaya yang perlu diceburi. Ronstadt (1985) percaya bahawa kebanyakan manusia termasuk seorang usahawan tidak pernah terfikir untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya mereka. Hanya sebilangan kecil daripada usahawan yang akan mengetahuinya apabila mereka memasuki kolej dan menjadikan keusahawanan sebagai matlamat utama kehidupannya. Selebihnya memulakan perniagaan setelah tamat pengajian dan majoriti yang menjadi usahawan adalah mereka yang bekerja dengan seseorang tanpa penglibatan dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, Ronstadt melihat bahawa bidang keusahawanan merupakan satu prospek kerjaya yang sangat sesuai untuk dipilih oleh seseorang pelajar yang akan tamat pengajian.

## TINJAUAN LITERATUR

Secara umumnya, keusahawanan merupakan suatu istilah yang digunakan untuk menerangkan proses manusia mengenalpasti peluang untuk memenuhi keperluan dan mengumpulkan segala sumber untuk mencapai matlamat tersebut (Kinzer, 1973). Walau bagaimanapun, Casson (1985) menegaskan bahawa konsep keusahawanan merupakan satu titik untuk menerangkan bahawa sumber yang melimpah-ruah itu bukannya mengawal kekayaan tetapi cara bagaimana sumber tersebut diuruskan adalah lebih penting dalam mengawal kekayaan. Gibbs (1972) yang merupakan seorang tokoh akademik mengemukakan satu model keusahawanan yang digelar model pembangunan sosial. Dalam model ini, proses yang dilalui serta perhubungan sosial yang dilakukan oleh seseorang mendorong mereka untuk melibatkan diri dalam perniagaan.

Menurut Aziz dan Zakaria (2004), ciri-ciri keusahawanan ini tidak boleh diwarisi dan seseorang individu itu tidak dilahirkan sebagai usahawan. Seseorang itu boleh menjadi usahawan apabila mereka melalui sendiri pelbagai proses terdapat dalam pembangunan usahawan. Oleh itu, untuk menjadi seorang usahawan ia memerlukan minat dan kemahiran dalam bidang yang hendak diceburi. Usahawan perlu mengamalkan dan menghayati ciri-ciri usahawan sebagai pegangan, pandangan dan perjuangan pada masa hadapan. Ciri-ciri usahawan yang dimaksudkan disini ialah bekerja kuat, optimis, mempunyai budaya kerja yang baik, bermotivasi, berkeupayaan mengorganisasikan idea-idea, bertanggungjawab, berorientasikan pada keuntungan dan berkualiti (Sarebah Warman et al., 2010). Melalui amalan yang berterusan terhadap semua ciri-ciri tersebut, maka usahawan akan terus bersemangat dan berkeyakinan tinggi serta mempunyai matlamat yang jelas. Selain mempunyai ciri-ciri seorang usahawan motivasi ialah penggerak kepada kemahuan dan keinginan untuk berjaya atau untuk mencapai sesuatu (Saedah et.al 1996). Menurutny lagi, motivasi juga boleh dikatakan sebagai rancangan untuk kejayaan seseorang untuk mengelakkan diri daripada kegagalan.

Pendidikan keusahawanan merupakan satu daripada mekanisma yang penting bagi menyediakan pelajar ke arah ekonomi moden, di mana kemahiran perniagaan menjadi penting (Keogh dan Galloway (2004). Usahawan tidak lahir secara semula jadi atau ia tidak boleh diwarisi kerana ia tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor genetik, namun begitu keusahawanan boleh dibentuk sejak usia muda melalui sistem pendidikan dan sokongan keluarga. Pernyataan ini disokong oleh Zaidatol (1997) dan Aziz dan Zakaria (2004). Menurut Zaidatol (1997), bahawa pendidikan formal amat penting bagi seorang usahawan yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, mempunyai pengalaman yang relevan dan sentiasa mendapatkan nasihat daripada individu yang mempunyai pengalaman. Ini bermakna, kombinasi pengalaman dan pengetahuan adalah berkait rapat. Menurut kajian yang dijalankan oleh Carter dan Collinson (1999), institut pengajian tinggi memainkan peranan penting dalam menyediakan pendidikan keusahawanan yang berbentuk formal dalam menggalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan pelajar. Menurut Nor Aishah (2002), pendidikan keusahawanan berperanan untuk mengenal pasti dan membentuk serta mempengaruhi kanak-kanak yang mempunyai potensi atau ciri-ciri keusahawanan untuk menjadi usahawan.

## **PENYATAAN MASALAH**

Pada masa kini, masih lagi terdapat pandangan bahawa bidang keusahawanan ini tidak dapat memberikan jaminan kepada masa depan seperti mana kerja makan gaji sama ada di sektor swasta mahupun awam (Sarebah et al., 2010). Keadaan ini berlaku kerana kurangnya pendedahan berkenaan bidang keusahawanan ini terutamanya dalam kalangan pelajar. Pendedahan terhadap elemen keusahawanan ini penting dalam menarik minat pelajar untuk menceburkan diri ke dalam bidang keusahawanan. Sekiranya tiada minat, ia akan menyebabkan pelajar atau individu tersebut akan sukar untuk terus bertahan di dalam bidang ini. Minat serta dorongan adalah faktor penting dalam kejayaan seseorang usahawan ini. Seperti yang dinyatakan oleh Scoot et al. (1988), antar faktor yang mempengaruhi aspirasi keusahawanan adalah seperti minat, pengetahuan dan sikap terhadap keusahawanan dan kerjaya dalam bidang perniagaan kecil.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, kerajaan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperkenalkan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi yang telah dilancarkan pada 13 April 2010 yang bertujuan untuk menggalakkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa yang lebih terancang dan holistik (Abdul Said, 2012). Usaha ini dimantapkan lagi menerusi pengenalan Modul Baharu Kursus Asas Keusahawanan Institut Pendidikan Tinggi yang diperkenalkan bermula sesi akademik 2017/2018. Penekanan terhadap bidang keusahawanan ini adalah selaras dengan lonjakan pertama untuk melahirkan graduan yang holistik, keusahawanan dan seimbang sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi). Modul baru ini akan digunakan sebagai mata pelajaran wajib di universiti dan usaha ini juga adalah untuk melatih penuntut bersikap 'lebih keusahawanan' sekali gus persediaan menghadapi dunia yang semakin mencabar (Idris Jusoh, 2017).

Berdasarkan usaha yang dijalankan oleh kerajaan dan KPT ini jelas menunjukkan kesungguhan mereka untuk menaikkan bidang keusahawanan ini bagi meningkatkan ekonomi negara serta mengatasi masalah pengangguran khususnya dalam kalangan mahasiswa. Universiti Malaysia Terengganu juga tidak ketinggalan dalam meningkatkan aspek keusahawanan ini dengan pembukaan Pusat Keusahawanan dan Kerjaya (CEC) sejak tahun 2010 lagi. Ia ditubuhkan untuk menjadi platform kepada mahasiswa/i UMT di dalam melahirkan usahawan yang berasaskan pengetahuan melalui pendidikan dan pelbagai program pembudayaan, pembangunan dan pengukuhan keusahawanan yang terancang dan holistik. Pusat ini juga menyediakan persekitaran dan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan keusahawanan sebagai pusat perundingan, penyelidikan dalam bidang keusahawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, UMT juga mewajibkan kesemua pelajar mengikuti subjek Asas keusahawanan bagi menukar persepsi mereka supaya tidak hanya bekerja dalam bidang yang mereka ceburi tetapi mempunyai minda dan minat

kepada keusahawanan. Ia sejajar dengan aspirasi kerajaan dalam melahirkan lebih ramai usahawan khususnya dari kalangan mahasiswa/i.

Namun, dalam merialisasikan bidang keusahawanan ini dan menjadikan seseorang itu usahawan salah satu faktor utamanya adalah minat. Sekiranya minat ini telah wujud ia akan melancarkan segala perjalanan hingga mereka menjadi usahawan yang berjaya. Oleh itu, permasalahan kajian ini adalah untuk meneliti sejauh mana kecenderungan minat pelajar Univeriti Malaysia Terengganu yang mengambil subjek asas keusahawanan untuk menjadi usahawan sebelum dan selepas mengikut subjek ini. Selain itu juga, kajian ini meneliti persepsi mereka terhadap kepentingan subjek ini serta pengwajipan subjek ini kepada semua pelajar.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Menurut Berg (2004), kajian kuantitatif merujuk kepada kiraan dan ukuran tentang sesuatu. Berbeza dengan penyelidikan kualitatif yang merujuk kepada makna, konsep, takrif, ciri, metafora, simbol dan huraian tentang sesuatu. Reka bentuk kuantitatif sesuai bagi kajian deskriptif manakala kajian yang bertujuan membuat penjelasan, reka bentuk eksperimen adalah sesuai diguna (Robson, 2011). Oleh itu, reka bentuk kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Menurut Chua (2006), kajian tinjauan adalah salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang popular digunakan dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang sains sosial.. Dalam konteks kajian ini, kaedah penyelidikan kuantitatif digunakan untuk menjawab kesemua objektif.

Menurut Wiersma (1995) kaedah ini merupakan antara kaedah yang baik jika kajian tersebut merupakan satu kajian yang ingin mengukur atau menilai sikap, persepsi, pencapaian dan penglibatan sesuatu perkara. Bentuk deskriptif juga digunakan sejajar dengan keperluan kajian iaitu untuk melihat sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting 1990). Maka, satu set soal selidik disediakan bagi tujuan tersebut yang dibina sendiri oleh pengkaji berasaskan kajian literatur untuk mencapai objektif kajian. Tuckman (1999) pula menegaskan bahawa soal selidik merupakan cara yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Penggunaan borang soal selidik dapat menjimatkan kos kajian dan berkesan apabila melibatkan jumlah data yang banyak dan saiz sampel yang besar.

Sampel kajian atau responden adalah terdiri daripada pelajar-pelajar UMT yang mengambil subjek asas keusahawanan pada semester kedua sidang 2018/2019. Kekangan kewangan dan masa menghalang penyelidik untuk melakukan kajian di atas seluruh pelajar UMT. Maka, pemilihan sampel telah dibuat melalui kaedah pensampelan berkelompok. Berdasarkan jumlah pendaftaran pelajar pada semester tersebut, seramai 956 orang pelajar yang mengikuti subjek asas keusahawanan ini. Maka, pemilihan sampel telah dibuat melalui kaedah pensampelan berkelompok. Bagi menentukan bilangan responden, Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) telah digunakan. Saiz sampel bagi kajian ini ialah 275 orang berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970).

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Profil Responden**

Jadual 1 menunjukkan profil keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini berdasarkan jantina dan tahun pengajian semasa di UMT. Untuk kajian ini, penyelidik tidak menentukan jumlah responden mengikut fakulti kerana jumlah pelajar yang mendaftar mengikut fakulti adalah tidak sama banyak. Oleh itu, ia akan menyukarkan untuk membuat analisis kelak.


Daripada 275 orang responden yang telah ditemu bual, 22.9 peratus adalah lelaki dan 77.1 peratus adalah perempuan. Dapatan ini sejajar dengan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (2017) yang menyatakan 61.8 peratus daripada 175,771 orang jumlah kemasukan pelajar ke Universiti Awam adalah perempuan (Astro Awani, 2017). Selain itu, dapatan ini juga menunjukkan pekerjaan ibu bapa responden yang paling tinggi iaitu 27.3 peratus adalah bekerja sendiri diikuti pekerjaan dari sektor kerajaan. Pekerjaan ibu bapa responden yang paling rendah adalah peniaga.

JADUAL 1: Profil Demografi Responden

Item	Frekuensi	Peratus	
Jantina	Lelaki	63	22.9
	Perempuan	212	77.1
Pekerjaan ibu bapa	Kerajaan	65	23.6
	Swasta	55	20.0
	Peniaga	19	6.9
	Bekerja sendiri	75	27.3
	Pesara	35	12.7
	Lain-lain	26	9.5

Daripada dapatan ini, majoriti responden adalah perempuan dan hanya 6.9 peratus latar belakang keluarga responden adalah peniaga .

### Jumlah Responden Mengikut Tahun Pengajian




Rajah 1. Jumlah Responden mengikut Tahun Pengajian

Rajah 1 menunjukkan jumlah responden mengikut tahun pengajian. Daripada 275 orang responden, 52 peratus adalah terdiri daripada pelajar tahun dua, diikuti 26.9 peratus pelajar tahun tiga dan 21.1 peratus pelajar tahun satu.

### Minat dalam Bidang Keusahawanan Sebelum dan Selepas Mengambil Subjek Keusahawanan

Rajah 2 menunjukkan kecenderungan minat responden terhadap keusahawanan sebelum dan selepas mengikuti subjek asas keusahawanan di UMT. Dapatan ini menunjukkan terdapat peningkatan dari segi minat responden sebelum mengambil subjek ini dan selepas mengambil subjek ini. Jumlah responden yang sangat berminat menaik dari 10.5 peratus sebelum mengambil subjek asas keusahawanan kepada 18.5 peratus selepas mengambil subjek ini. Peratusan yang paling ketara adalah di aras berminat iaitu dari

30.9 peratus yang berminat sebelum mengambil subjek ini kepada 56.4 peratus yang berminat setelah mengikuti subjek asas keusahawanan. Jumlah responden yang sangat tidak berminat turun dari 3.3 peratus sebelum mengambil subjek kepada 1.1 peratus selepas mengambil subjek dan tidak berminat 13.5 peratus sebelum mengambil subjek kepada 3.6 peratus selepas mengambil subjek mengambil kursus ini.



RAJAH 2. Kecenderungan Minat Responden sebelum dan selepas Mengambil Subjek Asas Keusahawanan

### Kecenderungan Minat Responden Terhadap Keusahawanan Mengikut Tahun Pengajian Sebelum Mengambil Subjek Asas Keusahawanan

Jadual 2 menunjukkan kecenderungan minat responden terhadap keusahawanan mengikut tahun pengajian sebelum mereka mengambil subjek asas keusahawanan di UMT. Daripada 58 orang responden tahun satu pengajian, terdapat dua 27 orang berada di ketegori sederhana minat, 13 berminat dan 11 sangat berminat manakala hanya dua orang yang sangat tidak berminat dan lima orang tidak berminat. Bagi tahun dua pula yang merupakan kategori responden yang paling ramai iaitu 143 orang responden, 60 orang berada di kategori sederhana minat dan paling rendah adalah di pilihan sangat tidak berminat iaitu dua orang. Manakala bagi responden tahun tiga, daripada 74 orang responden 28 orang berada di pilihan sederhana dan beminat. Hanya lima orang di kategori sangat tidak berminat dan empat orang tidak berminat sebelum mengikuti subjek asas keusahawanan di UMT.

JADUAL 2. Kecenderungan Minat Responden Terhadap Keusahawanan Mengikut Tahun Pengajian Sebelum Mengambil Subjek Asas Keusahawanan

Tahun Pengajian		Minat Bidang Usahawan Sebelum mengikuti kelas					Jumlah
		Sangat tidak berminat	Tidak berminat	Sederhana	Berminat	Sangat berminat	
Tahun Pengajian	Satu	2	5	27	13	11	58
	Dua	2	28	60	44	9	143
	Tiga	5	4	28	28	9	74
Jumlah		9	37	115	85	29	275

### **Kecenderungan Minat Responden Terhadap Keusahawanan Mengikut Tahun Pengajian Selepas Mengambil Subjek Asas Keusahawanan**

Jadual 3 menunjukkan kecenderungan minat responden terhadap keusahawanan selepas mengikuti subjek asas keusahawanan di UMT. Bagi responden di tahu satu pengajian, daripada 58 orang responden 30 orang berminat dan 14 orang sangat berminat. Jumlah responden yang sangat tidak berminat tiada dan yang tidak berminat empat orang sahaja berbanding lima orang sebelum mengikuti subjek ini. Bagi responden tahun dua pula, 87 orang responden berminat, 24 orang sangat berminat dan 29 orang sederhana minat. Jumlah responden yang sangat tidak berminat juga tiada dan tidak berminat hanya tiga orang. Responden tahun tiga pengajian juga menampakkan perubahan daripada sebelum mengikuti subjek asas keusahawanan. Daripada 74 orang responden, 38 orang sangat berminat dan 13 orang sangat berminat. Jumlah bagi kategori sangat tidak berminat dan tidak berminat hanya tiga orang sahaja.

JADUAL 3. Kecenderungan Minat Responden Terhadap Keusahawanan Mengikut Tahun Pengajian Selepas Mengambil Subjek Asas Keusahawanan

Tahun Pengajian		Minat selepas mengikuti kelas					Jumlah
		Sangat tidak berminat	Tidak berminat	Sederhana	Berminat	Sangat berminat	
Tahun Pengajian	Satu	0	4	10	30	14	58
	Dua	0	3	29	87	24	143
	Tiga	3	3	17	38	13	74
Jumlah		3	10	56	155	51	275

### **KESIMPULAN**

Hasil dapatan menunjukkan subjek asas keusahawanan di UMT dapat memupuk minat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan. Terdapat peningkatan yang ketara dalam kalangan pelajar ke arah minat dalam bidang usahawan sebelum dan selepas mengikuti subjek ini. Dapat dirumuskan bahawa subjek asas keusahawanan ini mampu menarik minat pelajar untuk menjadi seorang usahawan dan ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan dari kalangan mahasiswa/i. Minat adalah satu faktor yang penting untuk menjadi seorang usahawan. Dengan adanya minat yang mendalam ia akan melahirkan usahawan berjangka masa panjang dan mempunyai ketahanan yang tinggi. Oleh itu, subjek pengenalan kepada keusahawanan di peringkat Instituti Pengajian Tinggi sama ada awam mahupun swasta ini penting bagi melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja minat kepada keusahawanan namun melahirkan mahasiswa yang mempunyai minda keusahawanan.



## RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof dan Zakaria (2001). "Prinsip Keusahawanan: Satu Penilaian". Edisi Kedua. Pearson Prentice Hall.
- Abdul Said Ambotang. (2012). Pendidikan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar: Perspektif dan Cabaran. Utusan Borneo, 18 Oktober 2012.
- Berg, B.L. (2004) *Qualitative Research Methods for the Social Sciences*. 5th Edition, Pearson Education, Boston.
- Carter, S. & Collinson, E. (1999). "Entrepreneurship Education; Alumni Perceptions of the Role of Higher Education Institutions. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 6, (3), 229-239.
- Casson, M. (1985). *Entrepreneurship and Dynamics of Foreign Investment*. New York: St. Martin's Press
- Chua, Y.P. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill Education.
- Kementerian Pembangunan Usahawan.(2019). *Dasar Keusahawanan Negara*.
- Idris Jusoh. (2017). *Asas Usahawan IPT*. Harian Metro, 26 Julai 2017.
- Gibs, J. (1972). " Issues in Defining deviant Behaviour" in *Theoretical Perspective on Deviance*, edited by Scott, R.A. & Douglas, J.D. New York: basic Books.
- Keogh, W. and Galloway, L. (2004). "Teaching enterprise in vocational disciplines: reflecting on positive experience", *Management Decision*, 42(3/4): 531-541.
- Kinzer, LM (1973). *Competition and Entrepreneurship*. University of Chicago Press. Chicago, IL.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychology Measurement*. 30(3).
- Mohammad Suwardi bin Mohd Yusof., Noor Azman bin Abdullah., Lingaswaran a/l Arjunan., Marina bt Mustapa Al Bakri. (2017). *Pengaruh Pengalaman Keusahawanan Terhadap Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Jurusan Perakaunan Kolej Matrikulasi Perak*. Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 13, 2017. Ipoh, Perak.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Aishah Buang (2002). "Asas Keusahawanan". Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Norita Deraman, Armanurah Mohamad, Habshah Bakar, Norashidah Hashim & Ooi Yeng Keat. (2010). *Keusahawanan: teori dan praktis*. 2nd ed. Shah Alam: Mc Graw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Robson, C. (2011). *Real world research: A resource for social-scientists and practitioner- researchers*. 3rd edition. Oxford: Blackwell Publishing.
- Ronstadt, R. (1985). The Educated Entrepreneur: A New Era of Entrepreneurship Education is Beginning. *American Journal of Small Business*, 10(1).
- Sarebah Warman, Rohayu Roddin, Ahmad Esa, Halizah Awang, Maziana Mohamed, Azmanirah Ab. Rahman. (2010). *Penerapan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar di Politeknik*. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan 25-26 September 2010. Kelantan Trade Centre, Kota Baharu, Kelantan.
- Scott M. G. dan Twomey D.F. (1988). The long term supply of entrepreneurs: Students career aspirations in relation to entrepreneurship. *Journal of Small Business Management* October: 5-13
- Tuckman, B.W. (1999). *Conducting Educational Research*. Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Wiersma, W. (1995). *Research Methods in Education: An Introduction*. Boston Allyn and Bacon
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias. (2000). *Pengajaran-Pembelajaran, Perdagangan,keusahawanan dan Ekonomi Asas*". Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia